



SIARAN MEDIA

WANITA BERASPIRASI MEMBINA LEGASI TEMA SAMBUTAN HARI WANITA

PUTRAJAYA, 22 JANUARI - Bertemakan "Wanita Beraspirasi Membina Legasi", Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, hari ini merasmikan Pelancaran Logo dan Tema Hari Wanita Antarabangsa 2025 dalam satu majlis berlangsung di Putrajaya.

Menerusi ucapan perasmiaannya, beliau berkata tema ini mengangkat usaha wanita untuk mencipta perubahan yang berkekalan. Wanita tidak hanya memainkan peranan penting dalam keluarga, tetapi mereka turut menjadi peneraju dalam pembangunan masyarakat dan negara. Beliau juga menyeru semua pihak untuk terus komited dalam menghapus sebarang bentuk kekerasan terhadap wanita serta menggalakkan lebih ramai wanita untuk menduduki jawatan dalam kepimpinan negara dan mengambil bahagian aktif dalam proses membuat keputusan.

Logo yang dilancarkan merupakan simbol harapan dan *optimisme* selari dengan tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu *For ALL women and girls: Rights. Equality. Empowerment*. Pemilihan tema dan logo yang dilancarkan pada hari ini dibuat dengan aspirasi agar lebih banyak tindakan diambil untuk membuka ruang kepada hak, kuasa dan peluang yang sama rata serta mewujudkan masa hadapan yang lebih inklusif.

Penganjuran pelbagai program bersempena dengan Sambutan Hari Wanita akan dilaksanakan bagi memperkasakan wanita secara lebih meluas, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesaksamaan gender dalam kalangan masyarakat setempat dan menggalakkan sinergi antara pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk memperjuangkan hak dan kebajikan wanita pada setiap peringkat.

Antara acara utama yang akan berlangsung termasuklah forum dan seminar bagi menampilkan wanita-wanita berjaya serta tokoh-tokoh terkemuka yang telah berusaha keras dalam memperjuangkan hak dan peluang yang lebih baik untuk wanita. Sambutan ini juga akan menyaksikan penganugerahan kepada wanita-wanita hebat yang telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat. Sementara itu di majlis sama turut diadakan penyampaian hadiah wang tunai kepada pemenang Pertandingan Merekacipta Logo Hari Wanita 2025.

Hari Wanita Antarabangsa mula disambut pada 8 Mac 1975 oleh PBB sebagai sebahagian daripada Tahun Wanita Antarabangsa. Di Malaysia sambutan Hari Wanita Antarabangsa pertama kali dianjurkan pada 8 Mac 1983 oleh HAWA (Urusetia Hal Ehwal Wanita) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Bersempena dengan ulang tahun ke-42 pada kali ini, sambutan akan diperluas kepada peringkat zon di lima negeri terpilih iaitu Perak, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Sarawak.

Sebagai negara yang menandatangani Deklarasi Beijing pada tahun 1995, Malaysia mara mengorak langkah untuk memastikan bahawa prinsip kesaksamaan gender dan hak asasi manusia terus ditegakkan. Bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-30 deklarasi ini, tema Sambutan Hari Wanita pada tahun ini menegaskan kepentingan negara kita untuk memastikan kesinambungan segala usaha yang telah dimulakan serta hak dan peluang yang saksama diberikan kepada wanita di seluruh dunia.

Turut hadir Timbalan Menteri KPWKM, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, Puan Hanani Sapit dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWKM.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
22 JANUARI 2025**